

menjelaskan bahawa agama Islam ialah “agama dan kemajuan hidup”- (Din wa Madiniyyah) yang sesuai bagi tiap-tiap tempat dan tiap-tiap zaman.

Pada tahun 1901 keluar pula kitabnya yang kedua “Jawahir Uulum” (Permata-permata Pengetahuan) yang memperikan keindahan ilmu, kitab ini di susun oleh as-Syeikh Tantawi menurut jejak buku-buku falsafah orang-orang yang terdahulu seperti :

Risalah “Hai Bin Yakzan”

Buku-buku falsafah karangan ahli falsafah Inggeris Sir

Thomas More”

Buku “Amil” karangan “Jean Jacque Rousseau”

(Jean J Rousseau 1712-1778) dan buku

“Ala ad-Din” karangan Ali Mubarak Basha.

Setelah itu as-Syeikh Tantawi mara terus memeras

otaknya, lalu dikeluarkannya pula beberapa buah buku yang terbilang seperti bukunya iaitu al-Insan” (di mana manusia itu) yakni bagaimana letak kedudukannya yang sebenar. Dalam karangan ini beliau telah menurut jejak “Huxley” (T H Huxley 1825-95) di dalam buku karangannya yang bernama “letak kedudukan manusia di alam tabii” (tetapi as-Syeikh Tantawi telah menyesuaikan aliran itu dengan ajaran Islam – P)

Akhirnya al-Alamah Tantawi telah berjaya menyusun sebuah tafsir Quran bernama tafsir “al-Jawahir” yang lengkap. (dan yang sudah dicetak setebal dua puluh lima jilid sebelum daripada beliau meninggal dunia – P)

Sungguh menggembirakan tatkala melihat tersiaranya kitab-kitab karangan beliau dengan luasnya di seluruh dunia Islam dan kebanyakannya telah tersalin ke dalam bahasa-bahasa asing. Mudah-mudahan Tuhan perbanyakkan orang yang seumpamanya – Kata Tuan Lutfi Jumaah menutup tulisannya itu.

Dalam keluaran majalah Qalam yang akan datang akan dijelaskan bagaimana penghargaan falsafah dan pendeta-pendeta Barat kepada Almarhum bapa falsafah Islam yang masyhur ini.

SUAMI

Segala kewajipan mesti kemas

Susah payah tak tau rimas

Siapkan dahulu sebelum cemas

Sama ada perak atau pun emas

Waras berfikir setiap waktu

Waktu bercakap malulah tentu

Waad yak yin tak boleh iaitu

Walang was was jangan disitu

Ingat isteri bukan sahaya

Apa alatan mesti sedia

Ikutlah syarak Islam yang mulia

Inilah jalan yang amat selia

Menjaga maruah siang malam

Menunaikan pula kehendak alam

Mertua ipar tak dicelum celam

Malu dan santun sentiasa bersulam

Yakin kepada diri sendiri

Yang boleh menyara kemahuan isteri

Yang mana buruk hendaklah digari

Yang mana molek itulah di selongkari

Harun D. L. Singapura

-----*-----*

Y

Y

M

M

S

S

W

W

A

A

M

M

Y

Y